


PELITA BRUNEI




ARKIB NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
NATIONAL ARCHIVES OF BRUNEI DARUSSALAM
2

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 13 BILANGAN 32 RABU 7 OGOS, 1968 رابو 12 جمادي الاول 1388 PERCHUMA

D.Y.M.M. di-mahkotakan dengan penoh Istiadat



Duli Yang Maha Mulia sedang di-mahkotakan oleh Paduka Ayahanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sa-telah di-Mahkotakan menjadi Sultan Brunei yang Ke-29.

52 orang di-kurniakan Bintang2 Kebesaran

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah mengurniakan bintang2 dan pingat2 kebesaran Brunei kepada 52 orang bersempena dengan hari perpuspaan Baginda yang telah di-langsungkan pada 1 Ogos lepas.

Sinarai penerima bintang2 dan pingat2 itu telah di-dahului oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang telah di-kurniakan dengan bintang Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati, Darjah Pertama — D.K.

Duli Yang Maha Mulia juga telah mengurniakan bintang Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati, Darjah Pertama — S.P.M.B. kepada Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin, Yang Di-Muliakan Pehin Penggawa Laila Bentara Di-Raja Dato Setia Abbas Al-Sufri dan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Dato Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohammad Taha.

Bintang Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati, Darjah Kedua — D.K., telah di-kurniakan kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masnah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain.

Pesuruhjaya Pulis, Dato J.R.H. Burns dan Pegawai Pemerintah Pasokan Askar Melayu Di-Raja, Lt. Col. Dato H. Burrows telah menerima Bintang Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia, Darjah Kedua — D.S.N.B.

(Lihat Muka 8)

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah telah di-mahkotakan menjadi Sultan yang ke-29 dalam satu istiadat yang penoh dengan adat istiadat kebesaran Di-Raja, yang telah di-langsungkan di-Lapau, Bandar Brunei pada 1 Ogos lepas.

Mahkota emas itu telah di-mahkotakan oleh Paduka Ayahanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sir Muda Omar Ali Saifuddin yang telah turun dari takhta kerajaan pada 4 Oktober tahun lepas.

Istiadat yang gilang gemilang dan bersejarah itu telah di-saksikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Cheteria2, pembesar2 negara dari luar negeri, pegawai2 kanan kerajaan dan pemimpin2 kaum.

Di-antara tetamu2 agong yang turut menghadiri istiadat tersebut termasuklah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, wakil2 peribadi Duli Yang Maha Mulia Sultan2 di-Malaysia Barat serta wakil kerajaan British.

Duli Yang Maha Mulia telah berangkat tiba di-Lapau untuk menjalani istiadat ber-

puspa itu sa-jurus sa-belum pukul 11.00 pagi dengan menaiki sa-buah usongan yang di-buat dan di-reka khas untuk istiadat yang bersejarah itu.

Sa-tiba Baginda di-Lapau, Baginda telah memereksa dan menerima tabek kehormatan yang terdiri dari pasokan Askar Melayu Di-Raja dan Pulis Di-Raja Brunei.

Sa-lepas berehat sa-bentar di-Dewan Majlis, Baginda pun berangkat ka-bangunan Lapau untuk menjalani istiadat perpuspaan.

Sa-baik2 sahaja Mahkota di-mahkotakan dan Keris Sinaga di-susupkan maka tembakan meriam pun di-lepaskan

untuk menandakan istiadat mempuspakan Duli Yang Maha Mulia itu telah selesai di-jalankan.

Sa-telah itu Duli Yang Maha Mulia pun berangkat dari Lapau naik ka-atas usongan untuk di-arak mengelilingi Bandar dan sa-terusnya balek ka-Istana.

Di-sepanjang jalan yang telah di-lalui oleh Kenaikan Duli Yang Maha Mulia itu telah di-banjiri oleh beribu2 orang yang telah berada di-situ dari sejak awal2 pagi itu untuk menyaksikan dan memberikan penghormatan kepada Baginda.

(Lihat Muka 8)



7 Ogos, 1968

KENANG2AN KEKAL ISTIADAT BERPUSPA

PERAYAAN2 bagi menyambut Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di-Daerah Brunei yang dimulai semenjak 25 Julai yang lalu akan berakhir pada 9 Ogos.

Perayaan2 sa-chara besar2an bagi menyambut Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan akan juga di-adakan sa-chara besar2an di-Daerah2 Tutong, Belait dan Temburong.

Berbagai2 acara sambutan di-persembahkan oleh masyarakat di-negeri ini di-pekarangan Istana Darul Hana dan juga di-Padang Besar, Bandar Brunei semenjak 25 Julai dengan di-saksikan oleh berpuh2 ribu orang dari da'am dan luar negeri.

Sa-lain dari itu, ramai juga penari2 dan penyanyi2 berbagai2 bangsa di-datangkan dari luar negeri untuk mengambil bahagian dalam perayaan2 tersebut.


Kanak2 yang kecil juga telah tidak ketinggalan bersuka ria sa-masa di-adakan perayaan2 itu. Antara-nya mereka yang berjaya dalam Peraduan Kanak2 Kejohanan seluruh Negeri Brunei telah berpeluang mengambil bahagian dalam Perarakan Kereta Berhias di-Bandar Brunei pada petang hari Isnin yang lalu.

Sa-lain dari itu, pertunjukan bunga api yang memberi kesukaan bukan sahaja kepada kanak2 bahkan kepada orang2 dewasa juga di-adakan di-pekarangan Istana Darul Hana dan di-Padang Besar, Bandar Brunei bagi menyambut Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Perayaan2 tersebut di-Daerah Brunei akan berakhir dalam minggu ini dengan meninggalkan kenangan2 yang kekal abadi kepada masyarakat di-negeri ini, kerana ini-lah perayaan2 yang terbesar sekali pernah di-adakan dalam Negeri Brunei Darus salam ini dalam mana Kerajaan membelanjakan berjuta2 ringgit sebagai mengambil sempena Istiadat Kepuspaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan.

Sa-bagai satu tanda kenangan yang kekal abadi, maka orang2 Melayu di-Daerah Brunei telah melancarkan satu pungutan derma untuk mengadakan satu tanda kenangan sa-umur hidup sa-bagai memperingati Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Sa-lain dari itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Seri Setia Awang Haji Mohamed Yusof telah membena sa-buah pintu gerbang yang indah berhampiran dengan Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei sa-bagai satu tanda kenangan yang kekal abadi itu. Kepada pehah2 yang berkenaan itu ada-lah di-ucapkan tahniah atas langkah yang berfaedah itu.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha sedang menyembahkan Mahkota kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan.



Sa-lepas istiadat memahkotakan, Duli Yang Maha Mulia pun berangkat meninggalkan Lapau untuk di-arak berkeliling Bandar sa-belum berangkat balek ka-Istana.



Duli Yang Maha Mulia sedang memeriksa barisan kehormatan di-Pekarangan Lapau sa-belum Baginda berangkat masuk ka-bangunan Lapau untuk menjalani istiadat perpuspaan.

Gambar2 Kebawah Duli



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan sedang memahkotakan Duli Yang Maha Mulia.



Y.A.M. Pengiran Paduka Tuan Sahibol dan Y.A.M. Pengiran Maharaja Adinda Sah.




Perdana Menteri Malaysia, Tengku Abdul Razak dan Perdana Menteri Republik Singapura, Awang Jusu, di-antara tetamu2 agong yang telah menghadiri Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Begawan.

i-Istiadat Berpuspa li Yang Maha Mulia



Sa-lapas Mahkota di-mahkotakan dan Keris Sinaga di-susupkan. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan pun menghinus Pedang sa-bagai memberi isharat supaya semua hadirin berdiri.


gawan se-Mulia.



Sa-baik2 sahaja Pehin Orang Kaya Di-Gadong meneriakkan SEMBAH, maka Yang Amat Mulia Cheteria2 pun menyembah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.



karib sedang menatang Mahkota sementara hibol Fikri sedang menatang Keris Sinaga.




Duli Yang Maha Mulia sedang berangkat turun dari Usongan unok menjalani Istiadat Perpuspaan. Baginda di-ikuti oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir.




Y.D.M. Pehin Penggawa Laila Bentara Di-Raja. Dato Seri Paduka Abbas Al-Sufri sedang membawa Kuching Emas sementara Pengiran Dato Setia Haji Abdul Momin sedang membawa Tungkat Ajai. Kedua2 alat Kebesaran ini ada-lah di-antara 25 jenis alat Kebesaran yang telah di-gunakan dalam Istiadat Berpuspa.



Rahman Putera Al-Haj dan Yang Lee Kuan Yew ada-tah ghadhiri Istiadat Perpuspaan Seri Baginda Sultan.



Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir dengan di-dahu'ui oleh Y.T.M. Paduka Seri Begawan ketika berangkat tiba di-Lapau.



Sa-bahagian daripada pemuda2 yang membawa Payong Kawan yang berwarna dadu yang telah mengiringi Kenaikan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.


WAKIL2 PERIBADI D. Y. M. M. SULTAN2 DI-MALAYSIA BARAT KA-ISTIADAT BERPUSPA




Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Pahang, Wakil Peribadi Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.



Yang Teramat Mulia Tengku Seri Utama Raja, Wakil Peribadi Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.



Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Wakil Peribadi Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.



Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Johor, Wakil Peribadi Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI KERANI TINGKATAN "A"

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari chalun2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenohi jawatan Kerani Tingkatan 'A' di-dalam perkhidmatan Kerani2 Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalun2 yang di-lantek mesti-lah sudah berumur 17 tahun.
- Chalun2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran dalam Bahasa Melayu atau kelulusan yang bersamaan.
- Pegawai2 yang di-dalam perkhidmatan Kerajaan ser-

ta yang berjawatan tetap dan yang telah lulus Peperiksaan Kerani2 Rendah bagi Kerani Tingkatan 'A' akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$210 x 10 - 270 x 15 - 285/EXAM BAR/300 x 15 - 360/EB/380 x 20 - 560.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 22 Ogos, 1968.

Setem2 Khas Istiadat Berpuspa laris di-jual

BANDAR BRUNEI. — Ketua Pos Agung, Haji Awang Ali Khan telah mensifatkan penjualan keluaran khas setem2 untuk memperingati Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah di-jual pada 1 Ogos itu adalah sangat menggalakan.

Beliau berkata, sa-jumlah 339,051 keping setem2 yang berharga 4 sen, 12 sen dan 25 sen telah di-jual di-seluruh pejabat2 pos di-negeri ini pada hari itu.

Pada masa ini maseh ada lagi setem2 yang berharga 4 sen dan 12 sen dalam simpanan dan orang ramai boleh membeli-nya di-semua pejabat2 pos.

Haji Awang Ali Khan menambahkan, Jabatan Pos telah membuat pesanan baru bagi

setem2 Istiadat Berpuspa dari Britain untuk membolehkan orang ramai memiliki bilangan yang lengkap setem keluaran khas itu.

Setem2 itu tidak beberapa lama lagi akan di-jual di-semua pejabat2 pos di-seluruh negeri.

PERLUMBAAN

PERAHU DAN

MOTO SANGKUT

BANDAR BRUNEI. — Lebih dari 30 buah perahu dan moto sangkut telah mengambil bahagian dalam perlumbaan perahu dan moto sangkut yang telah di-adakan di-perayeran Sungai Brunei pada hari Ahad lepas.

Perlumbaan tersebut adalah salah satu acara sambutan perayaan Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.

Sa-banyak 15 jenis perlumbaan telah di-adakan dalam temasha tersebut.

Di-antara yang hadir menyaksikan perlumbaan tersebut termasuk-lah Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair, Dato Sir Dennis White dan pegawai2 kanan kerajaan.

Peta jalan2 raya Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Ukur Brunei telah menerbitkan sa-buah peta jalan2 raya di-Bandar Brunei dan sa-buah peta daerah2 di-sekitar Bandar Brunei.

Peta2 tersebut boleh di-dapati dari Pejabat Ukur, Kedai Penjual Buku2 Rex dan Ang's Hotel dengan harga satu ringgit sa-buah.

ARKIB NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
NATIONAL ARCHIVES OF BRUNEI DARUSSALAM

Pengurniaan Bintang² dan Pingat² bersempena Istiadat Berpuspa

(Dari Muka 1)

Bintang Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Di-Hormati, Darjah Kedua — D.P.M.B. telah di-kurniakan kepada Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila Awang Haji Ismail bin Awang Mat Serudin, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan Awang Abdul Ghani bin Jamil.

Bintang Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa, Darjah Ketiga — S.L.J. telah di-kurniakan kepada Awang Judin bin Asar.

Lain² yang telah di-anugerahkan dengan Bintang² dan Pingat² Kebesaran Negeri Brunei ada-lah seperti berikut:—

Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati, Darjah Ketiga — S.M.B.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Wahab bin Pengiran Sabtu Kamaluddin, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omarali ibni Duli Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman, Pengiran Damit bin Pengiran Mat Serudin, Awang Chua Kwong Leng dan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Dewa Haji Musa bin Hitam.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Berbahagia, Darjah Ke-empat — P.S.B.

Awang Mohaimin bin Dato Imam Haji Mokti.

Pingat Hassanal Bolkliah Sultan — P.H.B.S.

Lt. Col. Dato H. Burrows; Lt. Col. Dato J.G. Moran; Cpt. Pengiran Ibnu bin Pengiran Haji Apong; Cpt. Sulaiman bin Awang Damit; Cpt. Mohammad bin Haji Daud; 2nd Lt. Musa bin Yakub; 2nd Lt. Ak. Abidin bin Pengiran Ahmad; Dato J.R.H. Burns, Pengiran Dato Utama Jaya bin Pengiran Haji Rajid; Awang Metali bin Osman; Pengiran Damit bin Pengiran Metussin; A.S.P. Awang Abu Zar bin Abu Bakar; D.S.P. Pengiran Umar bin Pengiran Haji Apong; Dato G.E. Coster; Dato P.I. Franks; Dr. Hart; Dr. De Silver; Awang Harris; Yang Amat Mulia Pengiran Sangamara Di-Raja; Yang Di-Muliakan Pehin Sangamara Askar Di-Raja; Pengiran Haji Abdul Momin; Awang S.M. Al-Johari; Datin E.M. Lloyd Doble; Dato Idris Talog Davies; Yang Berhormat Dato Setia John Lee; Dato W.I. Glass; Yang Di-Muliakan Pehin Dato Setiawan; Yang Berhormat Dato

Awang Mohammad Taib bin Awang Besar; Awang Talib bin Derwish; Awang Abdul Ghani bin Jamil; Awang Haji Hassan bin A. Osman dan Awang Ahmad bin A. Jambol.

Pingat Jasa Kebaktian — P.J.K.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid dan Pengiran Omar bin Pengiran Haji Apong.

D.Y.M.M. DI-TABALKAN MENJADI SULTAN YANG KE-29

(Dari Muka 1)

Bersama² Baginda di-atas usongan ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bega-wan dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli² Wazir.

Perarakan itu telah di-da-hului oleh alat² kebesaran Di-Raja yang terdiri dari 40 orang yang membawa Sinipit dan Taming, 16 orang yang membawa Pedang dan Perisai, 16 orang yang membawa Tumbak Benderangan, 8 orang yang membawa Dian Alam Bernaga dan Penglima Raja yang menyahan Pemuras serta Penglima Asgar memegang Kalasak dan Kampilan.

Sa-tiba kenaikan Duli Yang Maha Mulia di-Balai Bomba, Baginda berangkat turun dari usongan dan meneruskan perjalanan Baginda dengan menaik kereta.



Gambar atas menunjukkan sa-buah dulang perak yang bersempohkan emas yang telah di-hadiahkan oleh President Johnson dari Amerika Sharikat kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan bersempena menyambut Istiadat Perpuspa-an Baginda.

Hadiah tersebut telah disampaikan oleh Konsul Amerika Sharikat di-Kuching, Tuan John P. Heimann yang telah mewakili kerajaan Amerika ka-Istiadat Berpuspa.

TIGA USOL DI-LULUSKAN DALAM M.M.D. TEMBURONG

TEMBURONG — Sa-banyak tiga usol telah di-luluskan dalam Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang telah bersidang pada hari Isnin lepas

Usol yang pertama yang telah di-luluskan ia-lah meminta jaba-

tan yang berkenaan akan dapat menyumbang bekalan api listrik dari Kampong Menengah dan hingga ka-Ujong Jalan Pandaruan.


Usol tersebut telah di-kemukakan oleh Pengiran Zulaihi bin Pengiran Tajuddin wakil kawasan Bangar.

Awang Yahya bin Yakub wakil kawasan Puni, telah mengemukakan satu usol yang meminta supaya Jabatan Kenderaan Darat akan dapat menghantar Pegawai Pemeriksa Kenderaan ka-Daerah Temburong, untuk memeriksa lesin² orang yang ada mempunyai moto-cycle dan sa-terus-nya mengadakan ujian kepada pemandu² yang masih dalam perchubaaan.

Usol yang ketiga telah di-kemukakan oleh Awang Chin Ah Wa wakil kawasan Labu yang meminta supaya kerajaan dapat membena sa-buah klinik serta dengan pegawai²-nya di-kawasan Labu sama r'a di-Labu Estate, Senukoh atau Piasau².

Da'am persidangan itu beberapa soalan bertulis telah juga di-kemukakan dan mendapat jawapan yang memuaskan.

Majlis Mashuarat Daerah Temburong itu telah di-pengerusiakan oleh Pegawai Daerah, Awang Johari bin Abdul Razak.



Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof dengan di-iringi oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin sedang berangkat tiba di-Lapau untuk menghadhiri Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia.